

Di samping itu, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sedang melaksanakan program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) di mana antara tujuannya adalah untuk meningkatkan penembusan jalur lebar negara. Di bawah program ini, terdapat beberapa inisiatif iaitu Projek Peluasan Liputan Selular, Projek WiFi Komuniti (WK) yang sebelum ini dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M), dan juga Projek Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Di bawah Projek Peluasan Liputan Selular pula, sebanyak 971 menara telekomunikasi telah siap dilaksanakan di seluruh negara dengan 62 menara terletak di Negeri Perak dan enam (6) menara terletak di Tanjung Malim. Selain daripada itu, 650 struktur asas bagi penyediaan teknologi Femto dan Nano di kawasan luar bandar turut disediakan di seluruh negara bagi menyediakan perkhidmatan selular dan jalur lebar di mana 11 struktur dilaksanakan di Perak dan tiga (3) daripada itu adalah di Tanjung Malim.

Seperti yang telah diumumkan ketika pembentangan Bajet 2014 yang lepas, sebanyak 1,000 buah lagi menara telekomunikasi telah dirancang dan akan dibina secara berperingkat bermula tahun 2015 sehingga tahun 2017 di seluruh negara. Sebanyak empat (4) menara telekomunikasi di kawasan Tanjung Malim dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap pada suku ketiga tahun 2015 manakala tambahan sebanyak sebanyak 14 menara telekomunikasi di kawasan Tanjung Malim masih dalam perancangan.

Selain itu, sehingga April 2015, inisiatif lain yang telah disediakan di Tanjung Malim ialah 76 buah WK dan tujuh (7) PI1M.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

SOALAN : 64

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status terbaru pemindahan Wad Persinggahan untuk kaum ibu Orang Asli yang akan bersalin di Slim River, Perak memandangkan Wad Persinggahan yang sedia ada tidak sesuai digunakan lagi kerana terletak di kawasan banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Kementerian ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keperihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) seringkali membangkitkan isu ini di dalam mesyuarat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Perak, ini kerana banjir tersebut turut merosakkan kelengkapan dan peralatan yang disediakan oleh JAKOA kepada masyarakat Orang Asli yang menggunakan kemudahan di situ.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tindakan sedang di ambil oleh pihak Jabatan Kesihatan untuk membaik-pulih dan membesar kan sistem saliran air sedia ada bagi mengelakkan kejadian banjir tersebut berulang serta merosakkan kemudahan kelengkapan yang telah disediakan.

Berikutan dengan cadangan Yang Berhormat, agar kerajaan bersedia untuk menimbang bagi mengadakan satu pusat persinggahan yang baru, adalah dimaklumkan bahawa buat masa ini adalah sukar bagi mendapatkan tapak yang sesuai untuk didirikan pusat persinggahan yang baru tersebut. Namun begitu, pihak Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri untuk menyediakan kemudahan tersebut sekiranya terdapat tapak yang sesuai demi keselesaan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli yang terlibat. Jabatan Kesihatan Negeri Perak sedang berusaha untuk mengenalpasti lokasi yang sesuai.